


REKA BENTUK BANDAR SELAMAT

PANDUAN PELAKSANAAN

Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)

Implementation Guide



REKA BENTUK BANDAR SELAMAT

PANDUAN PELAKSANAAN

*Crime Prevention Through
Environmental Design (CPTED)
Implementation Guide*



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Diterbitkan 1 Disember 2010

©Hak cipta Unit Khas NKRA Bandar Selamat
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Panduan Pelaksanaan ini disediakan berdasarkan kepada perakuan Makmal NKRA : Mengurangkan Jenayah yang diadakan pada 5 Oktober hingga 19 November 2009 untuk meningkatkan keselamatan awam. Program Bandar Selamat 2010 mengandungi 3 Strategi dan 15 Langkah pencegahan jenayah. Panduan Pelaksanaan ini menyokong Strategi 1 : Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal dan Langkah 2 : Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat (*Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED)).

Unit Khas NKRA Bandar Selamat
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jalan Cenderasari,
50646 KUALA LUMPUR
www.townplan.gov.my
03 – 2698 9211

TATACARA PENGGUNAAN PANDUAN PELAKSANAAN REKA BENTUK BANDAR SELAMAT

Manual ini disediakan bagi menunjukkan tatacara penggunaan Panduan Pelaksanaan *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED).

Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 5 Tahun 2009, Template Seragam Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci Agensi Teknikal Luaran untuk Proses Kelulusan Pemajuan melalui Pusat Setempat (OSC) telah menggariskan beberapa senarai semak dokumen dan senarai semak terperinci sebagai panduan dan rujukan pemohon melaksanakan cadangan pemajuan bagi permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Landskap.

Panduan Pelaksanaan CPTED ini dirujuk semasa peringkat perancangan, reka bentuk dan pembinaan sesuatu cadangan pemajuan. Ini merangkumi reka bentuk pelan susun atur, pelan bangunan, pelan kejuruteraan, pelan landskap dan pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Konsep, panduan umum dan senarai semak di dalam Panduan Pelaksanaan ini membantu PBT dan agensi teknikal menyemak cadangan pemajuan, dan memastikan pemohon menerapkan CPTED di dalam cadangan pemajuan bagi pencegahan jenayah (rujuk Jadual 1).




Jenis Pemajuan	Panduan Umum (muka surat)	Senarai Semak (muka surat)
PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG		
a. Reka bentuk susun atur	15	16 - 20
b. Reka bentuk bangunan	21	22 - 26
c. Akses dan laluan pejalan kaki	27 - 29	30 - 42
d. Landskap dan elemen reka bentuk bandar	43 - 44	45 - 46
e. Tempat letak kenderaan	47	48 - 50
f. Pencahayaan	51	52 - 54
g. Peralatan keselamatan	55	56
h. Pengurusan dan penyelenggaraan	57	58 - 60
PERMOHONAN PELAN BANGUNAN		
a. Reka bentuk susun atur	15	16 - 20
b. Reka bentuk bangunan	21	22 - 26
c. Tempat letak kenderaan	47	48 - 50
PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN		
a. Akses dan laluan pejalan kaki	27 - 29	30 - 42
PERMOHONAN PELAN LAMPU JALAN		
a. Tempat letak kenderaan	-	49
b. Pencahayaan	51	52 - 54

Jenis Pemajuan	Panduan Umum (muka surat)	Senarai Semak (muka surat)
PERMOHONAN PELAN LANDSKAP		
a. Akses dan laluan pejalan kaki	-	40 - 42
b. Landskap dan elemen reka bentuk bandar	43 - 44	45 - 46
c. Tempat letak kenderaan	47 (v)	-
PERMOHONAN CCC (Lawatan Tapak)		
Pemasangan Lif / Eskalator G11		
a. Reka bentuk bangunan	21	26
Bangunan G12		
a. Reka bentuk bangunan	21	22 - 26
Retikulasi Pembentungan G14		
a. Akses dan laluan pejalan kaki	27 - 29	30 - 42
Sistem Bekalan Elektrik Luaran G16		
a. Reka bentuk susun atur	15	20
b. Peralatan keselamatan	55	56
Jalan Dan Perparitan G17		
a. Akses dan laluan pejalan kaki	27 - 29	30 - 42
Lampu Jalan G18		
a. Pencahayaan	51	52 - 54
Telekomunikasi G20		
a. Akses dan laluan pejalan kaki	7 & 29	33 - 36
Landskap G21		
a. Landskap dan elemen reka bentuk bandar	43 - 44	45 - 46
b. Pengurusan dan penyelenggaraan	57	58 - 60

CARTA PROSES PENGGUNAAN PANDUAN PELAKSANAAN REKA BENTUK BANDAR SELAMAT

SIAPA?



PBT

PEMOHON

Perancang Bandar, Arkitek,
Jurutera, Pemaju, Pereka Bentuk,
Pelukis Pelan dan lain-lain

BILA?

JABATAN PERANCANG BANDAR

Permohonan Kebenaran Merancang (subseksyen 21(1) Akta 172)
termasuk Pelan Landskap, Pelan Cadangan nama, taman dan jalan

JABATAN BANGUNAN


Permohonan Pelan Bangunan (seksyen 70 Akta 133)
termasuk Pelan Sanitari dan Pelan Konkrit Tetulang

JABATAN KEJURUTERAAN

Permohonan Pelan Jalan dan Parit (seksyen 9 Akta 133)
Pelan Kerja Tanah (seksyen 70A Akta 133) (termasuk Pelan Lampu Jalan)



Termasuk jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan
tertakluk kepada PBT





SENARAI KANDUNGAN

PENGENALAN	3
KONSEP CPTED	4
PRINSIP CPTED	5

Pengawasan Semulajadi (*Natural Surveillance*)
Pengawalan Akses Semulajadi (*Natural Access Control*)
Kejelasan Sempadan (*Territorial Reinforcement*)
Penyelenggaraan dan Pengurusan (*maintenance & management*)

STRATEGI CPTED	8
PENGGUNA CPTED	9
KOMPONEN PEMBANGUNAN	10

Reka Bentuk Susun Atur
Akses dan Laluan Pejalan Kaki
Landskap dan Elemen Reka Bentuk Bandar
Tempat Letak Kereta
Pencahayaan
Peralatan Keselamatan
Pengurusan dan Penyelenggaraan

PANDUAN UMUM DAN SENARAI SEMAK

Reka Bentuk Susun Atur	15
Reka Bentuk Bangunan	21
Akses dan Laluan Pejalan Kaki	27
Landskap dan Elemen Reka Bentuk Bandar	43
Tempat Letak Kenderaan	47
Pencahayaan	51
Peralatan Keselamatan	55
Pengurusan dan Penyelenggaraan	57

2

PERBANDARAN



PENGENALAN

Tujuan Panduan

Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat atau *Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED) Implementation Guide* disediakan untuk menyokong Langkah 2: Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran yang Selamat di bawah Strategi 1: Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal, Program Bandar Selamat 2010.

Panduan ini mengandungi ringkasan konsep, panduan umum dan senarai semak *CPTED*. Senarai semak digunakan sebagai panduan semasa penyediaan dan penyemakan pelan susun atur pembangunan dan bangunan serta menilai kemajuan dan pelaksanaan projek di tapak.

Bila *CPTED* digunakan?

Konsep dan prinsip *CPTED* perlu diterapkan pada peringkat awal reka bentuk pelan susun atur dan pelan bangunan bagi semua kawasan pembangunan baru. Konsep *CPTED* juga boleh digunakan bagi pembangunan sedia ada yang kurang selamat dan terdedah kepada jenayah.

Kejadian Jenayah

Beberapa kajian yang dijalankan ke atas mangsa di luar negara membuktikan bahawa tahap perbandaran pesat merupakan faktor utama yang meningkatkan risiko jenayah. Sesuatu jenayah hanya akan berlaku apabila wujudnya tiga elemen asas iaitu penjenayah, mangsa dan persekitaran / situasi yang membuka peluang kepada penjenayah.



Sumber : DSP Research and Consultancy, Netherlands, 2000 (m.s 4)



KONSEP CPTED

CPTED berdasarkan kepada idea bahawa “reka bentuk persekitaran fizikal terperinci secara efektif boleh mempengaruhi perlakuan manusia dari melakukan kesalahan serta mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah dan insiden jenayah di samping meningkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan”.

Konsep CPTED telah diguna pakai dalam perancangan bandar-bandar di luar negara seperti New York, Glasgow, Adelaide, Melbourne, Seoul, Singapura dan lain-lain. Kajian membuktikan CPTED berkesan dalam mengurangkan kadar jenayah seperti berikut:

- i. Pengurangan kerugian ke atas peniaga runcit sebanyak 50% bagi jenayah kecurian dan 65% bagi jenayah samun;
- ii. Pengurangan yang mendadak ke atas penjualan dadah, jenayah pecah rumah dan lain-lain jenayah di antara 15 -100% di dalam komuniti tertentu di Amerika Syarikat dan Kanada;
- iii. Mengurangkan jenayah pencabulan di kalangan pelajar sekolah;
- iv. Meningkatkan faedah, produktiviti dan kualiti hidup komuniti; dan
- v. Menjimatkan kos dan sumber melalui reka bentuk secara efisien dengan melaksanakan strategi semulajadi berbanding dengan strategi pengurusan dan mekanikal (**Sumber:** Sinclair Knight Merz, Nusajaya Security Training 2008).



Pengawasan semulajadi untuk tempat letak kereta

PRINSIP CPTED

Sumber : *Adapted and modified from Crime Prevention Through Housing Design, edited by Paul Stollard 1989 (m.s.48)*

Terdapat 4 prinsip universal CPTED yang diguna pakai oleh masyarakat antarabangsa iaitu:

Pengawasan Semulajadi (*Natural Surveillance*)

Tujuan utama prinsip ini adalah untuk meningkatkan tahap pengawasan orang awam melalui pendekatan 'eyes on the street' terhadap penjenayah dan seterusnya dapat menimbulkan rasa tidak yakin penceroboh untuk melakukan jenayah.

Pengawasan semulajadi bermaksud keupayaan persekitaran mewujudkan peluang pengawasan jelas dan luas dari pelbagai sudut sama ada dari luar atau dalam bangunan oleh residen atau pengawal keselamatan melalui reka bentuk dan lokasi tingkap, lobi atau pintu bangunan.

6

PRINSIP CPTED

Pengawasan Akses Semulajadi (Natural Access Control)

Pengawasan akses bertujuan untuk menghalang seseorang dari memasuki kawasan / premis yang tidak sepatutnya ia berada. Kawalan akses boleh dilaksanakan melalui penggunaan pintu dengan kad keselamatan, pagar, landskap dan elemen fizikal lain.




Penggunaan kad keselamatan

Kejelasan Sempadan (Territorial Reinforcement)

Tujuan utama kejelasan sempadan adalah untuk menunjukkan pemilikan sesuatu kawasan. Penandaan sempadan kawasan awam dan persendirian yang jelas boleh dilaksanakan dengan menggunakan elemen fizikal seperti pagar, pintu gerbang, landskap dan lain-lain



Pembahagian sempadan dengan landskap



Sumber : Adapted and modified from *Crime Prevention Through Housing Design*, edited by Paul Stollard 1989 (m.s.48)



Lorong belakang yang tidak diselenggara



Sarang penagihan dadah di taman awam yang terbiar



Rumah terbiar boleh menjadi sarang jenayah



Tiang telekomunikasi menjadi alat kepada penjenayah memecah rumah



Laluan pejalan kaki bawah tanah yang tidak diselenggara



Jejantas yang dilindungi oleh papan iklan dan bumbung

Penyelenggaraan dan Pengurusan (Maintenance and Management)

Prinsip ini menekankan kepada keperluan untuk menyelenggara dan menguruskan kawasan dan bangunan secara berkala dan berterusan oleh pihak pengurusan, penghuni, pemilik dan komuniti. Kewujudan kawasan dan bangunan usang / terbiar boleh menggalakkan aktiviti jenayah seperti penagihan dadah dan aktiviti jenayah serta sosial yang negatif.

STRATEGI CPTED

Kesemua prinsip CPTED dapat dilaksanakan melalui 3 strategi iaitu:

- i. **Pengawasan semulajadi** (*natural surveillance*) dipermudahkan melalui reka bentuk ruang, penyediaan landskap dan tingkap atau pintu yang menghala ke kawasan awam.
- ii. **Pengawasan mekanikal** (*mechanical surveillance*) dipermudahkan melalui penggunaan alatan elektronik dan mekanikal seperti pencahayaan, CCTV, cermin keselamatan, penggera keselamatan dan lain-lain; dan
- iii. **Pengawasan terancang** (*organised surveillance*) dipermudahkan melalui rondaan polis, pengawal keselamatan atau persatuan penduduk;

Sebagai satu teknik reka bentuk terbaik, ketiga-tiga strategi ini dilaksanakan secara bersepadu dengan memberi keutamaan kepada strategi pengawasan semulajadi pada peringkat awal reka bentuk persekitaran untuk mengurangkan kos pemulihan kawasan pada masa hadapan.



Pengawasan semulajadi



CCTV yang menggunakan tenaga solar



Pengawasan mekanikal (cermin keselamatan)



Pengawasan Terancang

PENGGUNA *CPTED*

Pengguna *CPTED* terdiri daripada agensi yang terlibat secara langsung semasa penyediaan pelan susun atur / pelan bangunan serta semasa membuat penilaian kemajuan dan pelaksanaan projek di tapak.

i. Orang Awam (*Citizens*)

Orang awam adalah pengguna dan klien utama dalam mereka bentuk ruang. Maklum balas penduduk mengenai isu jenayah boleh dijadikan asas reka bentuk persekitaran.

ii. Pereka Bentuk (Perancang bandar, Arkitek, Arkitek Landskap, Jurutera, Juru ukur, Pereka bentuk hiasan dalaman)

Semua pereka bentuk merujuk kepada Panduan Pelaksanaan *CPTED* semasa mereka bentuk pelan susun atur atau bangunan bagi semua jenis pembangunan.

iv. Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dan Agensi Kerajaan

PBN, PBT, PBPT dan agensi kerajaan berkaitan memainkan peranan yang penting untuk memastikan pelaksanaan konsep *CPTED* terutamanya di dalam proses kebenaran merancang dan pelan bangunan serta memberi kesedaran kepada masyarakat untuk mewujudkan persekitaran yang selamat melalui *CPTED*.

v. Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

PDRM memainkan peranan yang amat penting dan menjadi penasihat untuk mereka bentuk susun atur pembangunan yang mencegah berlakunya jenayah.

vi. Agensi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

Agensi atau pertubuhan bukan kerajaan dan penduduk mengguna pakai konsep *CPTED* bagi merancang dan menggerakkan aktiviti yang boleh mengurangkan jenayah seperti pendidikan dan kesedaran awam, penubuhan rukun tetangga dan sebagainya.

vi. Pihak Pemaju

Pemaju berperanan untuk menerapkan konsep *CPTED* di dalam semua jenis pembangunan.

KOMPONEN PEMBANGUNAN

Tujuh (7) komponen pembangunan dikenal pasti untuk melaksanakan reka bentuk *CPTED* iaitu:

Reka Bentuk Susun Atur

i. Pembangunan bercampur

Pembangunan bercampur mengandungi aktiviti pembangunan perumahan, perniagaan, perindustrian dan kawasan tumpuan awam. Pembangunan bercampur amat digalakkan untuk mewujudkan suasana aktif dan sibuk sepanjang hari.

Objektif :

- Mengaktifkan kawasan dengan pelbagai aktiviti guna tanah seperti aktiviti kediaman, perkedai, restoran, pejabat, ruang awam, kebudayaan, rekreasi dan sebagainya
- Mewujudkan pengawasan semulajadi dan meningkatkan keselamatan kawasan terutamanya di kawasan yang berisiko jenayah; dan
- Meningkatkan rasa kekitaan serta kesedaran berkomuniti dan persekitaran.



ii. Penjanaan Aktiviti

Menggalakkan aktiviti yang dibenarkan untuk menarik tumpuan masyarakat setempat seperti pasar malam, kafe terbuka, restoran, sukan dan rekreasi dan sebagainya.

Objektif :


- Meningkatkan keselamatan persekitaran dan pengawasan semulajadi melalui pendekatan *eyes on the street*.

iii. Ruang terperangkap dan jalan mati (*entrapment spot*)

Ruang terperangkap merupakan ruang yang terpinggir, terasing dan terkepong. Reka bentuk perlu mengelakkan ruang terperangkap terutamanya di tempat letak kenderaan, laluan pejalan kaki, jalan mati atau lorong belakang.

Objektif :

- Mengelakkan tempat persembunyian dan ancaman penjenayah / penceroboh.



Mengelakkan ruang terkepong (*entrapment spot*) dalam reka bentuk

Sumber : *Adapted and modified from Crime Prevention Through Housing Design, edited by Paul Stollard 1989 (m.s.27)*



Ruang pandangan yang jelas

iv. Ruang Pandangan

Menyediakan ruang pandangan yang jelas dan maksimum pada jarak dekat dan jauh serta tidak terhalang khususnya bagi kawasan di sekitar laluan pejalan kaki.

Tiang-tiang besar, pagar yang tidak telus, pokok renek yang tidak diselenggara dan lain-lain halangan berhampiran dengan laluan pejalan kaki boleh mewujudkan ruang persembunyian penjenayah / penceroboh untuk mengancam atau menyerang orang awam.

Objektif:

- Memudahkan pengesanan penjenayah; dan
- Mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah



Akses dan Laluan Pejalan Kaki

Akses merangkumi jalan dan laluan pejalan kaki yang terdiri daripada terowong, jejantas dan lorong sempit. Terowong pejalan kaki yang terencil dan sempit tidak dibenarkan di kawasan pembangunan baru. Walau bagaimanapun, bagi terowong pejalan kaki, jejantas dan lorong sempit sedia ada, langkah-langkah keselamatan seperti pencahayaan yang baik dan pemasangan cermin keselamatan perlu dilaksanakan. Penggunaan papan tanda yang jelas sebagai petunjuk arah dan peringatan perlu dirancang secara bersepadu supaya pengguna tidak keliru dan berwaspada terhadap kawasan persekitaran.

Objektif:

- Mengelak atau mengurangkan jalan dan laluan pejalan kaki yang terasing, sunyi, tersorok dan terperangkap.



Landskap Lembut dan Elemen Reka Bentuk Bandar

Penggunaan landskap lembut (pokok, pokok renek, pokok pagar dan tumbuhan penutup bumi) dan elemen reka bentuk bandar / landskap kejur merangkumi semua jenis struktur hasil binaan manusia seperti perabot jalan, laluan pejalan kaki, wakaf, pancuran air, lampu taman, arca dan sebagainya, boleh digunakan bagi menentukan sempadan awam dan persendirian dengan merujuk kepada Garis Panduan Landskap Negara 2008.

Objektif:

- Mewujudkan persekitaran yang mesra pengguna, selamat dan menarik;
- Menjadi penghadang kepada jenayah ragut; dan
- Bertindak sebagai pemisah sempadan, penunjuk persimpangan, penunjuk selekoh dan panduan arah tuju.

Tempat Letak Kenderaan

Penyediaan kawasan tempat letak kenderaan hendaklah menitikberatkan langkah-langkah keselamatan seperti tempat letak kenderaan berhadapan dengan premis perniagaan dan mempunyai pencahayaan yang baik.

Objektif :

- Meningkatkan keselamatan dan mengurangkan insiden jenayah; dan
- Meningkatkan pengawasan semulajadi.





Pencahayaan

Penyediaan pencahayaan yang terang terutamanya pada waktu malam membolehkan seseorang individu dapat melihat atau dilihat dengan jelas. Pencahayaan terang dapat mengurangkan perasaan takut orang awam terutamanya di kawasan tempat letak kenderaan, perhentian bas, mesin ATM dan sebagainya. Pencahayaan perlulah pada tahap yang membolehkan muka seseorang dikenal pasti dalam penglihatan yang normal serta membantu sistem CCTV memantau kawasan jenayah dengan lebih berkesan.

Objektif:

- Mengelak wujudnya ruang gelap dan samar; dan
- Membolehkan penjenayah / penceroboh mudah dikenali dan dicam.



Peralatan Keselamatan

Peralatan keselamatan merangkumi cermin keselamatan, penggera keselamatan, CCTV dan papan tanda peringatan.

Objektif:

- Memberi peringatan, kesedaran dan amaran kepada orang awam untuk berwaspada.



Pengurusan dan Penyelenggaraan

Kawasan kediaman, perniagaan, perindustrian, infrastruktur dan utiliti serta kawasan tumpuan awam milik kerajaan, agensi kerajaan, persendirian dan swasta hendaklah diselenggara secara kerap dan berkala untuk meningkatkan tahap keselamatan, contohnya mencantas pokok yang rimbun, membersihkan semak samun yang melindungi pencahayaan, CCTV dan menghalang pandangan awam serta membaik pulih kawasan / bangunan terbiar dan terbengkalai.

Objektif:

- Mengelakkan kewujudan kawasan / bangunan usang dan terbiar; dan
- Meningkatkan tahap keselamatan

PANDUAN UMUM



Pembangunan bercampur yang bersesuaian untuk menggalakkan interaksi penduduk dan mewujudkan rasa selamat

REKA BENTUK SUSUN ATUR

- i. Mereka bentuk susun atur yang bersepadu bagi pembangunan bercampur. Pembangunan perlu berkesinambungan dan tidak terasing bagi mewujudkan persekitaran yang aktif, pengawasan semulajadi dan meningkatkan interaksi penduduk pada waktu siang dan malam.
- ii. Mereka bentuk susun atur kawasan kejiranan yang kemas dan mempunyai garis pandangan yang jelas.
- iii. Mempelbagaikan kawasan perumahan bagi memenuhi keperluan penduduk dari pelbagai taraf sosio-ekonomi.
- iv. Menyediakan taman dan tempat awam di lokasi yang mudah dilihat dan dalam jarak berjalan kaki mengikut Garis Panduan Kemudahan Masyarakat, 2000
- v. Tempat-tempat yang berpotensi jenayah hendaklah dapat dilihat dengan jelas oleh pengguna dari bangunan-bangunan yang berdekatan.



Taman dan tempat awam di hadapan bangunan meningkatkan tahap pengawasan semulajadi

REKA BENTUK SUSUN ATUR

- i. Setiap unit kejiranan (*neighbourhood unit*) perlu mempunyai jarak berjalan kaki 400 meter dari pusat kejiranan.

Reka bentuk susun atur hendaklah jelas dan kemas.

Justifikasi:

- Mewujudkan jaringan laluan pejalan kaki yang berasingan dari laluan bermotor, berkesinambungan dan bersepadu.
- Meningkatkan tahap pengawasan semulajadi yang tinggi
- Mewujudkan *walkable community* dan meningkatkan perpaduan masyarakat.



- Pusat Bandar
 Pembangunan berdensiti tinggi di dalam dan berhampiran pusat bandar
 Kawasan Lapang

Sumber : David Prior, City of Melbourne, November 2006

TERPAKAI UNTUK AKTIVITI GUNA TANAH	STATUS PEMAKAIAN (✓/X)	CATATAN
✓ Kawasan Perumahan	<input type="checkbox"/>	
✓ Kawasan Perniagaan	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Kawasan Perindustrian	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Awam		
✓ Taman Rekreasi/ Awam/Kawasan Lapang	<input type="checkbox"/>	
✓ Terminal Pengangkutan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Tandas Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejambat	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejantas	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Masyarakat		
✓ Kesihatan	<input type="checkbox"/>	
✓ Pendidikan	<input type="checkbox"/>	
✓ Dewan Orang Ramai	<input type="checkbox"/>	
✓ Perpustakaan Awam	<input type="checkbox"/>	
✓ Kebajikan	<input type="checkbox"/>	
✓ Pejabat Pos	<input type="checkbox"/>	
✓ Keselamatan	<input type="checkbox"/>	
✓ Keagamaan	<input type="checkbox"/>	

REKA BENTUK SUSUN ATUR


ii. Mengelakkan ruang terpinggir, terasing dan terperangkap.

Jalan mati (*culs-de-sac*) hendaklah lurus dan tidak melebihi 75 m. Keperluan ini tidak bercanggah dengan piawai perancangan iaitu 150 m dan keperluan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 91.4 m bagi jalan mati.

Mengelakkan kemudahan awam seperti taman permainan kanak-kanak, tandas awam dan depoh sampah di lokasi yang terpencil.

Justifikasi:

- Mengecam orang asing dengan mudah.
- Meningkatkan pengawasan semulajadi.
- Meningkatkan kualiti persekitaran.
- Mewujudkan rasa kekitaan terhadap persekitaran.



Reka bentuk jalan mati (*culs-de-sac*) tidak melebihi 75m memudahkan pengecaman orang asing

TERPAKAI UNTUK AKTIVITI GUNA TANAH	STATUS PEMAKAIAN (✓/X)	CATATAN
✓ Kawasan Perumahan	<input type="checkbox"/>	
✓ Kawasan Perniagaan	<input type="checkbox"/>	
✓ Kawasan Perindustrian	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Awam		
✓ Taman Rekreasi/ Awam/Kawasan Lapang	<input type="checkbox"/>	
✓ Terminal Pengangkutan Awam	<input type="checkbox"/>	
✓ Tandas Awam	<input type="checkbox"/>	
✓ Jejambat	<input type="checkbox"/>	
✓ Jejantas	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Masyarakat		
✓ Kesihatan	<input type="checkbox"/>	
✓ Pendidikan	<input type="checkbox"/>	
✓ Dewan Orang Ramai	<input type="checkbox"/>	
✓ Perpustakaan Awam	<input type="checkbox"/>	
✓ Kebajikan	<input type="checkbox"/>	
✓ Pejabat Pos	<input type="checkbox"/>	
✓ Keselamatan	<input type="checkbox"/>	
✓ Keagamaan	<input type="checkbox"/>	

REKA BENTUK SUSUN ATUR

iii. Reka bentuk susun atur perlu mewujudkan:

- i. Pengawasan semulajadi.
 - ii. Menggalakkan ruang pandangan dari pelbagai sudut.
- Mewujudkan 'corner shop', gerai dan kiosk bergerak atau tetap di lokasi bersesuaian berhampiran dengan kawasan tumpuan awam.



Reka bentuk yang boleh meningkatkan pengawasan semulajadi

TERPAKAI UNTUK AKTIVITI GUNA TANAH	STATUS PEMAKAIAN (✓/X)	CATATAN
✓ Kawasan Perumahan	<input type="checkbox"/>	
✓ Kawasan Perniagaan	<input type="checkbox"/>	
✓ Kawasan Perindustrian	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Awam		
✓ Taman Rekreasi/ Awam/Kawasan Lapang	<input type="checkbox"/>	
✓ Terminal Pengangkutan Awam	<input type="checkbox"/>	
✓ Tandas Awam	<input type="checkbox"/>	
✓ Jejambat	<input type="checkbox"/>	
✓ Jejantas	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Masyarakat		
✓ Kesihatan	<input type="checkbox"/>	
✓ Pendidikan	<input type="checkbox"/>	
✓ Dewan Orang Ramai	<input type="checkbox"/>	
✓ Perpustakaan Awam	<input type="checkbox"/>	
✓ Kebajikan	<input type="checkbox"/>	
✓ Pejabat Pos	<input type="checkbox"/>	
✓ Keselamatan	<input type="checkbox"/>	
✓ Keagamaan	<input type="checkbox"/>	

REKA BENTUK SUSUN ATUR

iv. Bangunan perlu menghadap tempat letak kenderaan berpusat.

Justifikasi:

Memudahkan pemantauan dan pengawasan orang ramai ke arah tempat letak kenderaan yang boleh menjadi lokasi berlakunya jenayah ragut dan kecurian.



Tempat letak kenderaan berpusat

TERPAKAI UNTUK AKTIVITI GUNA TANAH	STATUS PEMAKAIAN (✓/X)	CATATAN
<input type="checkbox"/> Kawasan Perumahan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perniagaan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perindustrian	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Awam		
<input checked="" type="checkbox"/> Taman Rekreasi/ Awam/Kawasan Lapang	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Terminal Pengangkutan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Tandas Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejambat	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejantas	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Masyarakat		
<input checked="" type="checkbox"/> Kesihatan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Pendidikan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Dewan Orang Ramai	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Perpustakaan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kebajikan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Pejabat Pos	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Keselamatan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Keagamaan	<input type="checkbox"/>	

REKA BENTUK SUSUN ATUR

- v. Kedudukan tandas awam, surau dan lain-lain ruang kegunaan awam mestilah dirancang secara bersepadu dan bersekali dalam bangunan serta tidak terpendil dan mudah dilihat.

Justifikasi:

Meningkatkan pengawasan semulajadi orang awam dan mengelakkan tandas menjadi lokasi insiden rogol dan buang bayi.



TERPAKAI UNTUK AKTIVITI GUNA TANAH	STATUS PEMAKAIAN (✓/X)	CATATAN
✓ Kawasan Perumahan	<input type="checkbox"/>	
✓ Kawasan Perniagaan	<input type="checkbox"/>	
✓ Kawasan Perindustrian	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Awam		
✓ Taman Rekreasi/ Awam/Kawasan Lapang	<input type="checkbox"/>	
✓ Terminal Pengangkutan Awam	<input type="checkbox"/>	
✓ Tandas Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejambat	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejantas	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Masyarakat		
✓ Kesihatan	<input type="checkbox"/>	
✓ Pendidikan	<input type="checkbox"/>	
✓ Dewan Orang Ramai	<input type="checkbox"/>	
✓ Perpustakaan Awam	<input type="checkbox"/>	
✓ Kebajikan	<input type="checkbox"/>	
✓ Pejabat Pos	<input type="checkbox"/>	
✓ Keselamatan	<input type="checkbox"/>	
✓ Keagamaan	<input type="checkbox"/>	



REKA BENTUK BANGUNAN

- i. Reka bentuk bangunan perlu menyediakan ruang terbuka, tidak tersorok dan tahap penglihatan yang tinggi.
- ii. Mempunyai perbezaan yang jelas di antara ruang persendirian, separa-persendirian dan awam.
- iii. Pagar bangunan tidak menghalang pandangan ke ruang awam.
- iv. Memastikan reka bentuk dan kedudukan elemen seperti dinding pemisah, tempat pembuangan sampah, bumbung yang rendah atau dahan pokok tidak membantu aktiviti jenayah.
- v. Membangunkan kawasan usang / terbiar dengan aktiviti yang sesuai bagi mengelakkan menjadi tempat persembunyian penjenayah.
- vi. Mewujudkan aktiviti yang menggalakkan berjalan kaki di kawasan berkepadatan tinggi dan sederhana.





Reka bentuk fasad bangunan yang tidak menghalang pandangan

REKA BENTUK BANGUNAN

i. Reka bentuk bangunan perlu:

- Memastikan pintu, tingkap, ruang legar rumah kediaman menghadap jalan, kawasan lapang dan tempat letak kenderaan.
- Memastikan pintu, tingkap, ruang legar bangunan menghadap jalan.
- Mengelakkan 'blind wall'.




TERPAKAI UNTUK AKTIVITI GUNA TANAH	STATUS PEMAKAIAN (✓/X)	CATATAN
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perumahan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perniagaan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perindustrian	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Awam		
<input type="checkbox"/> Taman Rekreasi/ Awam/Kawasan Lapang	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Terminal Pengangkutan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Tandas Awam	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Jejambat	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Jejantas	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Masyarakat		
<input checked="" type="checkbox"/> Kesihatan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Pendidikan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Dewan Orang Ramai	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Perpustakaan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kebajikan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Pejabat Pos	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Keselamatan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Keagamaan	<input type="checkbox"/>	

REKA BENTUK BANGUNAN

- ii. Panjang anjung kenderaan (*car porch*) bagi rumah 2 tingkat dan ke atas, perlulah tidak melebihi 10 kaki dari garisan bangunan.

Justifikasi:

Memudahkan pengawasan ke arah pintu pagar dari bilik tidur utama / bahagian hadapan tingkat atas rumah.





TERPAKAI UNTUK AKTIVITI GUNA TANAH	STATUS PEMAKAIAN (✓/X)	CATATAN
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perumahan	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Kawasan Perniagaan	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Kawasan Perindustrian	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Awam		
<input type="checkbox"/> Taman Rekreasi/ Awam/Kawasan Lapang	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Terminal Pengangkutan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Tandas Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejambat	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejantas	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Awam		
<input type="checkbox"/> Kesihatan	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Pendidikan	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Dewan Orang Ramai	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Perpustakaan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Kebajikan	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Pejabat Pos	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Keselamatan	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Keagamaan	<input type="checkbox"/>	

REKA BENTUK BANGUNAN

- iii. Memastikan ketinggian tembok pagar / tembok pemisah tidak melebihi 5 kaki. Ruang tertutup yang dibenarkan tidak melebihi 2 kaki dari paras tanah (rujuk rajah di bawah). Reka bentuk pagar hendaklah telus dan sukar dipanjat.

Justifikasi:

Memudahkan pengawasan dan pandangan jiran-jiran / penduduk / pengguna.



TERPAKAI UNTUK AKTIVITI GUNA TANAH	STATUS PEMAKAIAN (✓/X)	CATATAN
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perumahan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perniagaan	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Kawasan Perindustrian	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Awam		
<input type="checkbox"/> Taman Rekreasi/ Awam/Kawasan Lapang	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Terminal Pengangkutan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Tandas Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejambat	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejantas	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Masyarakat		
<input checked="" type="checkbox"/> Kesihatan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Pendidikan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Dewan Orang Ramai	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Perpustakaan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kebajikan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Pejabat Pos	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Keselamatan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Keagamaan	<input type="checkbox"/>	

REKA BENTUK BANGUNAN

- iv. Tangga kecemasan atau tangga ke tempat letak kenderaan dalam bangunan perlulah dapat dilihat dengan jelas dari luar dan dalam bangunan.

Justifikasi:

Memudahkan pemantauan orang ramai dan mengelakkan tangga menjadi lokasi persembunyian



TERPAKAI UNTUK AKTIVITI GUNA TANAH	STATUS PEMAKAIAN (✓/X)	CATATAN
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perumahan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perniagaan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perindustrian	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Awam		
<input type="checkbox"/> Taman Rekreasi/ Awam/Kawasan Lapang	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Terminal Pengangkutan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Tandas Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejambat	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejantas	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Masyarakat		
<input checked="" type="checkbox"/> Kesihatan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Pendidikan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Dewan Orang Ramai	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Perpustakaan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kebajikan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Pejabat Pos	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Keselamatan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Keagamaan	<input type="checkbox"/>	

REKA BENTUK BANGUNAN

- v. Pintu dan dinding lif perlulah lut sinar.

Justifikasi:

Meningkatkan tahap penglihatan orang ramai dari luar dan dalam lif bagi menghindarkan insiden jenayah.



TERPAKAI UNTUK AKTIVITI GUNA TANAH	STATUS PEMAKAIAN (✓/X)	CATATAN
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perumahan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perniagaan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kawasan Perindustrian	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Awam		
<input checked="" type="checkbox"/> Taman Rekreasi/ Awam/Kawasan Lapang	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Terminal Pengangkutan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Tandas Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejambat	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejantas	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Masyarakat		
<input checked="" type="checkbox"/> Kesihatan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Pendidikan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Dewan Orang Ramai	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Perpustakaan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Kebajikan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Pejabat Pos	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Keselamatan	<input type="checkbox"/>	
<input checked="" type="checkbox"/> Keagamaan	<input type="checkbox"/>	



1 Kelebaran laluan kenderaan perlu sesuai dengan tahap dan keperluan pembangunan



Pencahayaannya yang terang di sepanjang jalan

AKSES DAN LALUAN PEJALAN KAKI

- i. Kelebaran jalan perlulah mematuhi garis panduan sedia ada yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii. Jaringan jalan mestilah berkesinambungan (*inter-connected*) dan mempunyai hierarki yang jelas. Laluan pejalan kaki khusus diasingkan dari laluan bermotor.
- iii. Memastikan jalan baru dan sedia ada berkesinambungan agar tiada pengasingan di antara kawasan baru dan lama.
- iv. Memastikan hierarki dan reka bentuk jalan sesuai dengan jenis pembangunan dan tahap kelajuan yang dibenarkan.
- v. Laluan pejalan kaki tidak digalakkan berhubung dengan jalan mati.
- vi. Menyediakan pencahayaan di ruang yang gelap di sepanjang jalan dan laluan pejalan kaki pada jarak dan ketinggian yang sesuai.
- vii. Menyelenggara akses dan laluan pejalan kaki secara berkala dan berterusan supaya berkeadaan baik dan bersih bagi meningkatkan tahap keyakinan orang awam bahawa kawasan tersebut terjaga dan selamat digunakan.




Laluan pejalan kaki yang selamat, selesa dan mudah dilihat

- viii. Penyediaan jalan terus (*through road*) yang melalui kawasan perumahan ke kawasan berhampiran tidak dibenarkan.
- ix. Jalan keluar masuk perlu dihadkan dan dikawal (tidak melebihi 2 akses) bagi setiap pembangunan (rujuk Garis Panduan Perancangan *Gated Community* dan *Guarded Neighbourhood* untuk perincian).
- x. Menyediakan laluan pejalan kaki yang berkesinambungan di kawasan perumahan, pusat kejiranan, kawasan perniagaan dan kawasan tumpuan awam bagi keselesaan pejalan kaki.
- xi. Memastikan laluan pejalan kaki disediakan di kedua-dua belah jalan terutama di kawasan tumpuan awam.
- xii. Menyediakan laluan pejalan kaki yang boleh dilihat secara terus dari premis berhampiran dan tidak terhalang oleh sebarang struktur.
- xiii. Mengelakkan ruang tersembunyi, tersorok dan ruang yang boleh meningkatkan potensi berlaku jenayah di laluan pejalan kaki.
- xiv. Menyediakan laluan pejalan kaki yang mendapat pencahayaan semulajadi secara optimum pada waktu siang tetapi selesa kepada pengguna melalui penyediaan elemen teduhan dan landskap yang sesuai.
- xv. Laluan basikal perlu dipisahkan daripada laluan kenderaan (disediakan bersebelahan dengan laluan pejalan kaki tetapi mempunyai lorong yang berasingan).
- xvi. Mengelakkan reka bentuk perkhidmatan sistem telekomunikasi yang menggalakkan penjenayah melakukan jenayah. Contoh tiang-tiang telekomunikasi yang bertanggung.



Laluan pejalan kaki yang selamat, selesa dan mudah dilihat


- xvii. Jejantas tidak terlindung daripada sebarang objek seperti papan tanda, sepanduk, papan iklan, pokok dan papan tanda luar (*billboard*) serta mempunyai pencahayaan terang dan pandangan yang jelas.
- xviii. Laluan pejalan kaki bawah tanah tidak dibenarkan bagi mengelakkan perlakuan jenayah.
- xix. Mengenalpasti zon berprofil tinggi (aktiviti bank, pengurup wang, kedai emas, kedai beroperasi 24 jam) untuk memudahkan pemantauan pihak polis dan membolehkan perkongsian peralatan keselamatan (CCTV, penggera keselamatan, *traffic calming*).



Ruang terperangkap di jejantas



Laluan basikal khusus



Tiang telekomunikasi bertangga




Zon berprofil tinggi

AKSES

- i. Selekoh tajam dan kecerunan yang mendadak perlu dielakkan.
- Tidak boleh mewujudkan selekoh tajam.
 - Perlu ada anjakan tidak kurang dari 20 kaki bagi selekoh yang bercerun.
 - Bagi pembangunan sedia ada, peralatan keselamatan perlu disediakan seperti cermin keselamatan, papan tanda lalu lintas dan lain-lain.
 - Tanaman landskap yang melindungi pandangan di selekoh tajam perlu dicantas.

Justifikasi:

- Selekoh tajam akan mewujudkan *entrapment spot* yang menjana kejadian jenayah.
- Anjakan mencukupi akan meningkatkan ruang pandangan di hadapan.



Sumber : *Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi, 2009*

TERPAKAI UNTUK AKTIVITI GUNA TANAH	STATUS PEMAKAIAN (✓/X)	CATATAN
✓ Kawasan Perumahan	<input type="checkbox"/>	
✓ Kawasan Perniagaan	<input type="checkbox"/>	
✓ Kawasan Perindustrian	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Awam		
✓ Taman Rekreasi/ Awam/Kawasan Lapang	<input type="checkbox"/>	
✓ Terminal Pengangkutan Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Tandas Awam	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejambat	<input type="checkbox"/>	
<input type="checkbox"/> Jejantas	<input type="checkbox"/>	
Kemudahan Masyarakat		
✓ Kesihatan	<input type="checkbox"/>	
✓ Pendidikan	<input type="checkbox"/>	
✓ Dewan Orang Ramai	<input type="checkbox"/>	
✓ Perpustakaan Awam	<input type="checkbox"/>	
✓ Kebajikan	<input type="checkbox"/>	
✓ Pejabat Pos	<input type="checkbox"/>	
✓ Keselamatan	<input type="checkbox"/>	
✓ Keagamaan	<input type="checkbox"/>	

AKSES

- ii. Sistem jaringan jalan raya perlu mempunyai ruang pandangan yang jelas.

Justifikasi:

- Meningkatkan pandangan hadapan yang jelas.
- Meningkatkan pengawasan semulajadi pengguna jalan raya terhadap insiden jenayah.



Ruang pandangan hadapan yang jelas

TERPAKAI UNTUK AKTIVITI GUNA TANAH	STATUS PEMAKAIAN (✓/X)	CATATAN
✓ Kawasan Perumahan	<input type="checkbox"/>	
✓ Kawasan Perniagaan	<input type="checkbox"/>	
